

BAB KETUJUH

RUMUSAN DAN CADANGAN

7.0 Pendahuluan

Dalam bab terakhir ini, penulis ingin membentangkan rumusan hasil dari kajian yang dijalankan. Bahagian rumusan ini memuatkan beberapa aspek penting yang diutarakan dalam bab-bab yang lepas. Ini bertujuan untuk menghasilkan satu kesimpulan yang menyeluruh berkaitan data dan maklumat yang diperolehi menerusi hasil kajian ini. Di samping itu penulis akan mengutarakan beberapa cadangan yang berbentuk idea dan pendapat sebagai usaha untuk membantu dalam memberikan sumbangan kepada warga kampus khususnya dan masyarakat Islam umumnya.

Sesungguhnya kajian yang bersifat wacana terutamanya wacana cerita dalam al-Quran jarang kedapatan dalam kajian-kajian terdahulu. Sebagai mengorak langkah ke arah mempertingkatkan pemahaman dan pengetahuan di kalangan para pembaca yang kebanyakannya terdiri dari warga kampus, penulis telah memaparkan satu kajian berkaitan wacana cerita dalam al-Quran, di mana sedikit sebanyak dapat memberikan input dan kesedaran yang mendalam tentang betapa pentingnya kajian sebegini diteruskan oleh para pengkaji.

7.1 Rumusan

Apabila menurut kembali terhadap kajian serta analisis yang dijalankan, penulis dapat mengemukakan beberapa rumusan dan kesimpulan yang boleh dijadikan

intipati kepada keseluruhan kajian ini. Adalah terlalu sukar bagi penulis membuat rumusan yang mendalam bagi setiap wacana cerita yang terdapat dalam surah al-Kahf . Ini adalah kerana batasan wacana cerita dalam surah al-Kahf memuatkan empat kisah utama seperti yang dinyatakan dalam bab-bab yang terdahulu. Namun begitu, penulis cuba mengenal pasti beberapa rumusan dan kesimpulan yang tersirat di sebalik peristiwa kisah atau cerita dalam surah ini.

Sesungguhnya pembahasan mengenai wacana cerita dalam surah al-Kahf dapat mencerminkan satu model hidup dan pengajaran yang amat berguna bagi seluruh umat Islam. Ini adalah kerana surah ini merupakan salah satu surah yang membicarakan banyak kisah sejarah yang pernah berlaku sebelum kebangkitan Nabi Muhammad (s.a.w). Kisah dan peristiwa yang dipaparkan ini boleh dijadikan pengajaran yang amat berguna bagi setiap umat Islam. Ini memandangkan isi kandugan wacananya yang boleh dijadikan model ikutan.

Kisah *Asha:b al-Kahf* umpamanya dapat dijadikan contoh atau model ikutan yang baik bagi umat akhir zaman bagi menangani isu akidah yang semakin meruncing di kalangan masyarakat Islam di Malaysia khususnya. Kisah sejarah Asha:b al-kahf ini wajar dijadikan iktibar dan pengajaran yang amat berguna bagi umat Islam sejagat. Ia merupakan satu model keimanan yang jitu terhadap Allah (s.w.t), di mana demi menyelamatkan akidah keimanan terhadap Tuhan yang Maha Esa, sekumpulan pemuda berjaya meloloskan diri daripada cengkaman dan kezaliman seorang raja yang kafir. Konsep “ اِعْتِزَال ” dan “ عِزْلَةٌ ” (pengasingan diri) dari masyarakat setempat adalah merupakan satu pilihan terbaik bagi pemuda-pemuda yang beriman dalam usaha memartabatkan keimanan terhadap Tuhan semesta alam.

Sesungguhnya kisah persembunyian pemuda-pemuda yang beriman di dalam

sebuah gua adalah satu jalan terbaik bagi mereka memandangkan sekiranya mereka tidak bertindak sedemikian, nescaya mereka akan dihukum bunuh dengan kejam oleh seorang raja yang tidak beriman, malah mengarahkan seluruh hamba rakyat menyembah dewa-dewa dan patung-patung.

Konsep pengasingan diri di dalam gua dari masyarakat penyembah berhala bukanlah satu tindakan yang salah, malah ia adalah satu ilham dari Allah sebagaimana firmanNya:

وَإِذِ اعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ فَأْوُوا إِلَى
الْكَهْفِ يَنْشُرْ لَكُمْ رَبُّكُمْ مِنْ رَحْمَتِهِ وَيَهَيِّئْ لَكُمْ مِنْ أَمْرِكُمْ
مِرْفَقًا ﴿١٦﴾

Maksudnya: “Dan apabila kamu **mengasingkan diri** daripada mereka dan apa yang mereka sembah selain Allah, **maka carilah tempat berlindung ke dalam gua itu**, nescaya Tuhan kamu akan melimpahkan sebahagian daripada rahmatNya, kepada kamu dan menyediakan sesuatu yang berguna dalam urusan kamu,: (Surah al-kahf : ayat 16).

Dalam ayat di atas, potongan ayat فَأْوُوا إِلَى الْكَهْفِ (maka carilah tempat berlindung ke dalam gua itu) membuktikan bahawa Allah telah mengilhamkan kepada mereka supaya bertindak lari bersembunyi di dalam gua bagi menyelamatkan diri daripada hukuman bunuh. Disinilah terletaknya satu kemuliaan (karamat) yang dianurerahkan oleh Allah di mana mereka ditidurkan selama 309 hari di dalam gua tersebut.

Dalam kisah *Sa:hib al-Jannatayn*, (Pemilik Dua kebun tanaman). Allah memaparkan satu cebis kisah teladan dan perumpamaan yang berlaku pada masa

lampau dan kronologi kisah ini juga berlaku pada sepanjang zaman, di mana sifat kufur, takabbur dan menunjuk-nunjuk dengan apa sahaja nikmat yang dianugerahkan Allah berlaku pada setiap ketika. Kisah pemuda yang kufur dengan Allah dipaparkan dalam kisah ini. Beliau amat berbangga dengan nikmat kurniaan dua kebun tanaman yang subur dan suka memperlekehkan sahabatnya yang beriman yang tidak dianugerahkan kekayaan dan kemewahan seperti yang dimilikinya. Akhirnya, segala tanaman yang dimilikinya hancur musnah disebabkan kekufurannya.

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا ﴿٤٦﴾

Firman Allah:

Masudnya : *“Harta dan anak pinak adalah perhiasan kehidupan di dunia, Dan amalan kebajikan yang terus menerus adalah lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu serta lebih baik untuk dijadikan sebagai pengharapan,”* (Surah al-Kahf, ayat 46).

Seterusnya dalam menyoroti kisah Nabi Musa (a.s) yang mengembara ke satu tempat yang digelar “majma' al-bahrain” adalah untuk berjumpa dan berguru dengan seorang hamba Allah (Khidir). Walaupun Nabi Musa (a.s) diberi mukjizat tongkat sakti dan merupakan seorang rasul yang diberi anugerah oleh Allah dapat bercakap dengan Allah tanpa ada perantaraan , namun ilmu pengetahuan yang ada padanya tidak dapat menandingi kehebatan ilmu yang dimiliki oleh Khidir. Nabi Musa (a.s) gagal dalam ujian ini di mana baginda tidak mampu bersabar dengan setiap tindakan yang dilakukan oleh Khidir, yang pada hematnya tindakan tersebut melewati batas. Sehingga akhirnya Khidir mengucapkan selamat tinggal kepadanya dengan nada perpisahan sebagaimana firman Allah:

قَالَ هَذَا فِرَاقُ بَيْنِي وَبَيْنِكَ سَأُنَبِّئُكَ بِتَأْوِيلِ مَا لَمْ تَسْتَطِعْ عَلَيْهِ

Maksudnya: “ Berkata Khidir (kepada Nabi Musa (a.s), Ini adalah perpisahan di antara aku dengan engkau. Akan ku ceritakan kepada kamu atas perbuatan (tindakan) yang mana engkau tidak mampu bersabar dengannya. (Surah al-kahf, ayat 78)

Daripada kisah Nabi Musa (a.s) dapat diambil beberapa pengajaran penting. Antaranya, ilmu adalah merupakan anugerah Allah dan tiada siapapun dapat mendakwa dirinya lebih dari orang lain. Ini adalah kerana ada ilmu yang dikurniakan Allah kepada seseorang hamba tanpa harus mempelajarinya, iaitu ilmu Laduni. Iaitu ilmu yang dianugerahkan kepada hamba-hamba yang soleh. Hikmah seterusnya ialah setiap murid harus memelihara adab dengan gurunya, harus sedia mendengar penjelasan gurunya dari awal hingga akhir. Kisah ini juga menunjukkan bahawa Islam neletakkan guru pada kedudukan yang istimewa.

(<http://www.terato.com/forum/viewtopic.php?=-38878&sid=fd4c74f51e3e7d9f21836334d1f73378>) Kisah usaha perguruan dengan Khidir ini dinyatakan secara terperinci dalam bab kelima kajian ini.

Seterusnya pada kisah terakhir iaitu kisah mengenai Zulqarnain dipaparkan dalam bentuk peristiwa sejarah. Kisah ini berkisar pada pengembaraan Zulqarnain ke arah Timur dan Barat. Pengembaraan Zulqarnain mempunyai misi keamanan. Dengan slogan keimanan yang dibawa, Zulqarnain menggunakan kekuasaan yang ada padanya untuk menyeru penguasa dan rakyat jelata sesebuah negeri supaya beriman dengan Allah. Bagi mereka yang ingkar, akan menerima balasan peperangan. Ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya:

قَالَ أَمَّا مَنْ ظَلَمَ فَسَوْفَ نُعَذِّبُهُ ثُمَّ يُرَدُّ إِلَىٰ رَبِّهِ فَيُعَذِّبُهُ عَذَابًا نُكَرًا



Maksudnya: “ *Dia (Zulqarnain) berkata: “Barangsiapa berbuat zalim, kami akan menghukumnya, Lalu dia akan dikembalikan kepada Tuhannya dan kemudian Tuhan akan menimpakan azabnya yang sangat keras”* (Surah al-kahf, ayat 87).

Daripada rumusan di atas, dapat dinyatakan bahawa dalam menyusuri kisah-kisah dalam al-Quran amnya dan dalam surah al-kahf khususnya, bahawa yang paling penting adalah pengajaran yang dapat diambil daripadanya. Namun begitu ia tidak bermakna konteks peristiwa-peristiwa itu termasuk masa, tempat, dan watak-watak kisah diabaikan. Sekurang-kurangnya dapat membantu ke arah pemahaman dalam konteks sejarah kehidupan manusia.

7.2 Rahmat Allah di sebalik kisah

Dalam menyusuri kisah-kisah dalam surah al-kahf, terselit rahmat Allah yang berkuasa menganugerahkan rahmatNya kepada hamba-hambanya yang terpilih. Rahmat Allah ini dinyatakan dalam tiga jalinan kisah. Dinyatakan bahawa dengan rahmat Allah sahajalah sesuatu tindakan dapat diadaptasikan dengan sempurna. Bermula dengan kisah Asha:b al-Kahf, Allah mengurniakan rahmatnya sehingga penghuni-penghuni gua berjaya diselamatkan daripada kekejaman seorang raja yang menjatuhkan hukuman terhadap mereka. Ini dinyatakan melalui firman Allah:

إِذْ أَوْىءَ الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا
مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾

Maksudnya” “*Ingatlah! Ketika pemuda-pemuda itu berlindung di dalam gua, lalu mereka berdoa: “Wahai Tuhan kami! Berikanlah **rahmat** kepada kami di sisiMu dan sempurnakanlah jalan pertunjuk yang lurus dalam urusan kami”*. (Surah al-Kahf, ayat 10).

Dalam kisah Nabi Musa (a.s) bertemu dan berguru dengan Khidir juga dinyatakan lafaz rahmat Allah yang diberi kepada Khidir sehingga dapat mengetahui rahsia di sebalik tindakannya hinggalah Nabi Musa (a.s) tidak mampu bersabar. Ini dinyatakan di akhir ayat sebagai jalan penutup kepada kisah Musa (a.s) berguru dengan Khidir.

Firman Allah:

وَأَمَّا الْجِدَارُ فَكَانَ لِغُلَامَيْنِ يَتِيمَيْنِ فِي الْمَدِينَةِ وَكَانَ تَحْتَهُ كَنْزٌ لَهُمَا وَكَانَ أَبُوهُمَا صَالِحًا فَأَرَادَ رَبُّكَ أَنْ يَبْلُغَا أَشُدَّهُمَا وَيَسْتَخْرِجَا كَنْزَهُمَا رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ وَمَا فَعَلْتُهُ عَنْ أَمْرِي ذَٰلِكَ تَأْوِيلُ مَا لَمْ تَسْطِعْ عَلَيْهِ صَبْرًا ﴿٨٢﴾

Maksudnya: “Dan adapun dinding rumah itu ada dua orang anak yatim di kota itu, yang di bawahnya tersimpan harta mereka, dan ayah mereka merupakan orang yang soleh. Maka Tuhanmu menghendaki kedua-duanya (anak yatim) itu meningkat dewasa dan kedua-duanya dapat mengeluarkan simpanannya itu sebagai **rahmat** dari Tuhanmu. Apa yang aku buat bukanlah mengikut kemahuanku sendiri. Itulah keterangan (takwil) tentang tindakan-tindakanku di mana engkau (Musa) tidak sabar dengannya” (Surah al-Kahf, ayat 82).

Manakala dalam kisah Zulqarnain, perkataan rahmat ini juga disebut pada akhir kisah, juga sebagai akhiran dan penutup kisah.

Firman Allah:

قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّي فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءَ
وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا ﴿٩٨﴾

Maksudnya: “Dia (Zulqarnain) berkata, “(Tembok atau dinding) ini adalah anugerah **rahmat** dari Tuhanku, maka apabila janji Tuhanku telah datang, Dia akan menghancurleburkannya: dan janji Tuhanku itu amat benar”. (Surah al-Kahf, ayat 98).

Dalam tiga ayat di atas dinyatakan perkataan rahmat (رَحْمَةً) yang datang dari Allah sebagai anugerah tertinggi kepada insan-insan terpilih di kalangan hambanya yang soleh.

7.3 Komentor terhadap wacana cerita

Dalam wacana keempat-empat kisah yang dinyatakan sebelum ini, dapat diambil iktibar dan pengajaran tentang peristiwa kisah yang berlaku. Di sebalik kisah-kisah tersebut, terselit empat bentuk fitnah dan krisis yang melanda umat terdahulu dan juga umat Nabi Muhammad (s.a.w). Rasulullah sering berdoa supaya dilindungi dari fitnah-fitnah tersebut. Fitnah-fitnah tersebut ialah

“فِتْنَةُ الدِّينِ” و “فِتْنَةُ الْمَالِ وَالْوَالِدِ” و “فِتْنَةُ الْعِلْمِ” و “فِتْنَةُ السُّلْطَةِ”

Dalam kisah *Asha:b al-Kahf* terselit fitnah agama (akidah), di mana agama yang dianuti pemuda-pemuda tersebut adalah agama tauhid. Antara bentuk fitnah yang dihadapi oleh mereka ialah terpaksa berdepan dengan raja yang menyembah berhala yang memaksa rakyatnya menyembah berhala dan dewa-dewa. Bagi mereka yang ingkar, akan dijatuhi hukuman mati. Namun begitu dengan rahmat Allah, pemuda-pemuda yang beriman dengan agama tauhid dapat diselamatkan dari ancaman fitnah ini.

Dalam kisah *Sa:hib al-Jannatayn* (pemilik dua buah kebun tanaman) terselit fitnah harta dan keturunan. Harta dan keturunan adalah perhiasan dunia, di mana manusia selalu tertipu dan terpedaya dengannya. Banyak di kalangan manusia terjerumus dalam bentuk fitnah ini. Mereka lebih mementingkan harta kekayaan dan

berbangga dengan keturunan (anak pinak) sehinggakan mereka asyik dan leka dari mengingati Allah.

Dalam kisah Nabi Musa (a.s) berguru dengan Khidir juga terselit satu bentuk fitnah iaitu fitnah ilmu pengetahuan. Ini dapat dilihat kepada sifat tawaduknya Khidir walaupun dianugerahkan Allah ilmu laduni yang jarang sekali dianugerahkan kepada hamba-hamba Allah yang lain. Nabi Musa (a.s) umpamanya bukanlah calang-calang nabi. Baginda diberikan mukjizat tongkat yang boleh membelah lautan, bertukar menjadi ular dan sebagainya. Namun begitu, ini tidak bermaksud baginda diberikan ilmu sebagaimana yang dimiliki Khidir. Oleh yang demikian, sifat tawaduk dan merendah diri perlu disematkan di dalam hati setiap insan yang digelar guru dan juga murid.

Manakala dalam kisah Zulqarnain tersembunyi padanya bentuk fitnah yang berkaitan dengan kekuasaan. Allah sahajalah yang berkuasa memberikan kekuasaan kepada mereka yang dikehendakinya. Zulqarnain yang dilahirkan sebagai seorang raja berjaya menghadapi fitnah ini dengan bantuan dan rahmat Allah. Beliau berjaya membebaskan beberapa buah wilayah dan negara dengan kekuatan tentera. Dalam menjalankan misi ketenteraan ini, Zulqarnain menggunakan pendekatan yang terbaik dengan membawa slogan keimanan kepada Allah, Apabila didapati raja atau penguasa di sesebuah negeri tidak mengindahkan seruan keimanan ini, akan diserang dan ditakluk dan diletakkan di bawah empayar pemerintahannya.

Sejarah telah membuktikan bahawa pemerintahan dan kekuasaan yang dimiliki oleh kebanyakan penguasa dan raja di muka bumi, tidak menurut acuan dan *sibghatullah*. Banyak raja dan penguasa menggunakan kekerasan dan kezaliman terhadap rakyatnya serta menindas penduduk di sekitarnya dengan kejam.

7.4 Cadangan

Di bawah topik ini, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan yang difikirkan bersesuaian dengan tajuk kajian. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Kepada para pengkaji, penulis berharap bahawa kajian wacana cerita daripada al-Quran perlu dijadikan bahan kajian mereka memandangkan bidang wacana cerita dari surah-surah al-Quran jarang diterokai oleh para pengkaji. Penulis beranggapan bahawa tajuk atau topik wacana banyak dibincangkan dalam kajian bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia seperti kajian wacana pidato tokoh-tokoh ternama negara, kajian wacana perbincangan dan temuduga dan sebagainya.
- (ii) Pada peringkat Jabatan Bahasa Arab Dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, penulis mencadangkan agar mengenalpasti tajuk-tajuk wacana berkaitan bahasa Arab yang luas ruang lingkupnya terutamanya yang melibatkan teks-teks Arab dan agama seperti hadis, nusu:s syair, teks-teks prosa klasik dan moden, khutbah dan sebagainya.
- (iii) Penulis juga ingin mencadangkan kepada pihak Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah agar dapat mencadangkan tajuk atau topik wacana kepada calon peringkat sarjana dan PhD supaya dapat memperluaskannya dalam kajian akan datang. Ini memandangkan bahawa bidang wacana jarang disentuh oleh pengkaji sebelum ini.
- (iv) Dengan rasa bangga, penulis ingin mencadangkan kepada peringkat Ijazah Tinggi Fakulti Bahasa Dan Linguistik agar dapat memanfaatkan ruang yang

ada untuk menganjurkan bengkel mengenai kajian wacana bagi calon-calon yang berminat menjalankan kajian mengenai wacana cerita dalam al-Quran.

- (v) Pihak Fakulti Bahasa Dan Linguistik disarankan untuk memperluaskan peluang kepada calon-calon Ijazah Tinggi menerokai dan mendalami aspek wacana lisan, di samping membuat perbandingan antara bentuk dan jenis wacana di antara bahasa yang ditawarkan di fakulti.
- (vi) Akhirnya, penulis berharap pihak Fakulti Bahasa Dan Linguistik berusaha mengenalpasti dan menambah bahan rujukan berkaitan wacana meliputi wacana penulisan, wacana lisan, wacana temubual dan sebagainya. Ini memberi peluang kepada pengkaji membuat kajian perbandingan atau sekurang-kurangnya dapat menguasai aspek wacana ini dengan lebih mendalam.

7.5 Penutup

Sebagai kesimpulannya, dapat diperhatikan bahawa gaya bahasa dialog sastera kisah-kisah al-Quran tidak jauh bezanya dengan gaya bahasa al-Quran secara keseluruhannya. Di bawah dirumuskan beberapa kriteria khusus gaya bahasa al-Quran tersebut:

Pertama. Gaya bahasa al-Quran sangat sesuai dengan tema dan situasi pada waktu ayat-ayat tentang kisah tersebut diwahyukan. Ini bererti, gaya bahasa sastera yang diguna pakai dalam al-Quran dengan pelbagai bentuk penerapannya.

Kedua. Kisah-kisah dari al-Quran pada awal turunnya selalunya menggunakan kalimat-kalimat yang pendek lagi bersajak. Sehingga bila diperhatikan, perpindahan dari satu babak ke babak yang berikutnya atau dari satu peristiwa ke peristiwa selanjutnya yang

diceritakan dalam satu kisah sangat cepat dan dinamis.

Ketiga. Dalam kisah-kisah propaganda atau yang diarahkan untuk menerangkan akidah keagamaan baru dan merobohkan doktrin dan kepercayaan syirik, dapat dilihat al-Quran menggunakan kritikan dengan menggunakan gaya bahasa yang kemas lagi berkesan. Kritikan tersebut adakalanya pedas dan menusuk kalbu. Ini dapat dilihat dalam kisah Nabi Ibrahim ketika hendak merobohkan berhala yang dijadikan sembahkan kaumnya. Ini diceritakan dalam surah Maryam dan al-Syu'ara;’.

Setelah mengenalpasti beberapa cadangan seperti di atas, penulis beranggapan bahawa kajian wacana cerita dalam al-Quran ini harus dijadikan titik tolak kepada pengkaji seterusnya bagi memperluaskan aspek wacana dengan lebih sempurna mencakupi pelbagai aspek berkaitan wacana. Dengan kata lain, aspek wacana ini dianggap sebagai baru dalam kajian wacana bahasa Arab. Penulis juga berhasrat untuk menambah koleksi kajian wacana bahasa Arab dalam beberapa aspek dan sudut yang belum disentuh melalui pembentangan kertas kerja seminar, forum dan bengkel.

Sebagai akhirnya, penulis ingin meminta kepada para pembaca dan pengkaji agar dapat memberikan komen-komen berguna buat penulis bagi memperbaiki mutu persembahan, bahasa yang digunakan, teknik dan kaedah yang digunakan serta pendekatan wacana dari aspek agama.